

KHUTBAH JUMAAT

“PERPADUAN RAKYAT ASAS KEKUATAN NEGARA” (24 Mei 2024M/ 15 Zulkaedah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “**Perpaduan Rakyat Asas Kekuatan Negara**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Perpaduan adalah perkara ma'ruf yang sangat dituntut dalam Islam. Sebaliknya, perpecahan adalah perkara munkar yang sangat

ditegah dan merupakan amalan syaitan. Perpaduan dalam kalangan umat Islam merupakan ikatan persaudaraan atau ukhuwah Islamiyah yang dijalin atas dasar iman dan Islam. Jalinan ukhuwah ini sebenarnya ikatan kesetiaan dalam membela dan menjaga kemuliaan umat Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hujurat, ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.

Begitu juga terdapat sebuah hadis yang menggambarkan betapa teguh dan kukuhnya persaudaraan sesama umat Islam yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* daripada Nu'man bin Basir *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَااطِفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى عُضُوًّا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: Kamu akan melihat orang yang beriman pada sifat saling belas kasihan, berkasih-sayang, dan saling membantu adalah seperti satu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur malam dan juga menjadi demam.”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kepelbagaiannya bangsa manusia merupakan sunnatullah untuk kebaikan manusia sejagat. Islam mengiktiraf maruah dan martabat semua manusia supaya mereka saling mengenal dan saling menghormati antara satu sama lain. Negara kita juga merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang bangsa, kepercayaan dan budaya. Perbezaan ini bukanlah alasan untuk kita berselisih, menghina dan menceroboh pihak lain. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 108:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ
كَذَلِكَ زَيَّنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبَّئُهُمْ بِمَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.*”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah

Islam juga telah menggariskan panduan tatacara hubungan sosial yang perlu diikuti dalam membina kehidupan bermasyarakat yang harmoni. Maka Islam menegaskan ciri kemasyarakatan masyarakat

madani iaitu masyarakat yang beradab dan menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan, hormat-menghormati, taat kepada pemimpin, maju, dan menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi serta berhubungan antara satu sama lain bagi memenuhi segala keperluan hidup dalam semua aspek.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menunjukkan contoh teladan melalui penubuhan negara yang dinamakan Madinah. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga telah mewujudkan Piagam Madinah sebagai perlembagaan negara yang berperanan menghubung jalin antara perbezaan-perbezaan yang wujud dalam masyarakat ketika itu dan menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap warganegara Madinah.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memulakan asasnya dengan perpaduan umat Islam dalam kalangan Muhajirin dan Ansar, Arab dan bukan Arab, daripada kalangan individu yang mendukung negara dengan prinsip beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, serta konsep bertakwa dan adil terhadap semua. Mereka ini dipersaudarakan dengan ikatan iman dan takwa bagi melaksanakan keadilan kepada seluruh manusia.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah

Perbezaan yang berlaku dalam kalangan kita sememangnya suatu lumrah yang tidak dapat diketepikan. Kita boleh berbeza dari segi warna kulit, bangsa, fahaman politik, dan lain-lain lagi. Namun, Islam telah mempersatukan kita atas dasar iman kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Hadapilah setiap perbezaan dengan rasional

dan matang. Antara kunci utama menghadapi perbezaan yang wujud ialah dengan sentiasa berlaku adil dan tetap dengan kebenaran. Kita juga jangan bersikap ekstrem dalam tindakan kerana perbuatan ini sangat dicela oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Kita juga harus berwaspada dalam pada kita berusaha meninggalkan sifat ekstrem ini, jangan pula kita menjadi lalai dan longgar terutamanya dalam soal akidah. Yang benar tetap benar dan yang salah harus diperbetulkan. Justeru, hendaklah kita terus berpegang teguh dengan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperteguhkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum, budaya dan kepercayaan ini. Semoga negara kita akan terus kukuh, aman dan harmoni. Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah menjaga perpaduan dan mengelakkan dirinya daripada perpecahan.

Kedua: Kepelbagaian bangsa manusia merupakan sunnatullah supaya mereka saling mengenal dan saling menghormati antara satu sama lain untuk kebaikan manusia sejagat.

Ketiga: Islam telah menggariskan panduan tatacara hubungan yang perlu diikuti dalam membina kehidupan bermasyarakat yang harmoni.

Marilah kita menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam surah al-Hujurat, ayat 11:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ .

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ
وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۚ وَلَا تَلْمِزُوهُنَّ أَنفُسَكُمْ
وَلَا تَنَابِرُوهُنَّ بِالْأَلْقَبِ ۚ بِئْسَ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَنِ ۝ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya : Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ نَّا سَيِّدُنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسِّلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ أَلْحَيَاهُمْ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara

yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخْشُعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعْبُدَنَا وَتَمِّمْ
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.